

REKABENTUK LABEL KOTAK MINUMAN RINGAN DI MALAYSIA:  
PENGARUHNYA TERHADAP PASARAN

RAZALI BIN KADIR  
86117040

DIPLOMA IN ART & DESIGN (GRAPHIC)  
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
1989

## I S I K A N D U N G A N

PENDAHULUAN	III
PENGHARGAAN	V
KETERANGAN SLIDE	VIII
SINOPSIS	XI

### BAB 1

PENGENALAN	1
APA ITU MINUMAN RINGAN?	6
MINUMAN RINGAN DAN KESIHATAN	8

### BAB 2

SEJARAH MINUMAN RINGAN	9
SEJARAH BUNGKUSAN	11
SEJARAH REKABENTUK LABEL	15
BUNGKUSAN DI MALAYSIA	17

### BAB 3

TUJUAN BUNGKUSAN	19
TREN BUNGKUSAN MINUMAN RINGAN	23

## PENDAHULUAN

Tajuk ini dipilih sebagai langkah untuk meringankan segala fakta-fakta penting dalam aspek bungkusan minuman ringan khususnya mengenai rekabentuk label minuman ringan. Ini adalah kerana perusahaan minuman ringan merupakan industri yang semakin berkembang. Sekaligus juga ini bermakna tugas merekabentuk label bungkusan minuman ringan turut menjadi penting dan berpotensi sebagai sumber ekonomi negara.

Penghuraian yang dibuat juga diharapkan dapat memberi panduan dan penilaian kepada pihak-pihak yang bercadang untuk menceburkan diri samada dalam industri minuman ringan itu sendiri ataupun industri merekabentuk bungkusan minuman ringan ataupun industri-industri lain yang bersangkutan dengannya.

Selain dari itu, penghuraian ini juga adalah untuk mendedahkan masyarakat umum peranan penting yang dimainkan oleh rekabentuk label sesuatu bungkusan minuman ringan. Ini adalah untuk menyedarkan masyarakat akan kepentingan seni yang terdapat pada sesuatu rekabentuklabel itu benar-benar merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan dayabeli pengguna.

Bagi melengkapkan tesis ini saya telah membuat penyelidikan, membuat kaji selidik serta menebual pereka-pereka rekabentuk label bungkusan minumanringan, pegawai-pegawai pemasaran, pegawai perhubungan awam serta mereka yang terlibat dalam industri minuman ringan secara langsung atau tidak langsung bagi mendapatkan maklumat. Saya juga telah membuat kaji selidik dengan penduduk sekitar Shah Alam

## PENGHARGAAN

Berkat keizinan Allah s.w.t, saya berasa bersyukur kepadaNya kerana telah dapat menyempurnakan tesis ini. Kejayaan ini juga adalah hasil dari dorongan pensyarah-pensyarah selaku penasihat saya serta juga kerjasama yang telah diberikan oleh pihak-pihak di bawah ini.

Terima kasih dan penghargaan kepada:

1. Encik Ahmad Khairi bin Zain  
Ketua Kursus Jabatan Grafik,  
Kajian Senilukis & Senireka,  
Institut Teknologi Mara,  
Shah Alam, Selangor D.E.
  
2. Encik Md. Shariff bin Mustaffa  
Pensyarah,  
Kajian Senilukis & Senireka,  
Institut Teknologi Mara,  
Shah Alam, Selangor D.E.
  
3. Encik Abdul Aziz bin Ismail  
Pegawai Senireka,  
Bahagian Bimbingan Usahawan,  
Tingkat 17 Bangunan MARA,  
Jalan Raja Laut,  
50609 Kuala Lumpur.

## PENGENALAN

Air adalah salah satu keperluan asasi kita untuk hidup selain dari udara dan makanan. Manusia tidak dapat hidup tanpanya dan pasti mengalami gangguan kesihatan tanpa bekalan air yang secukupnya. Bagaimanapun dalam memilih jenis minuman, terdapat berbagai pilihan minuman yang sedia terbungkus dan boleh diminum bila-bila masa sahaja.

Permintaan terhadap minuman ringan adalah paling ketara sekali berbanding terhadap lain-lain minuman.#1. Di negara kita, industri minuman ringan dan yang berkaitan dengannya telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi. Berbagai jenis rasa minuman ringan samada berkarbonat atau tidak dalam berbagai jenis bungkusan boleh didapati di seluruh negara.

Sebelum kita membicarakan dengan lebih lanjut mengenai topik ini, adalah lebih baik kita mencari beberapa definisi perkataan-perkataan yang penting untuk topik ini.

"Label" didefinisi sebagai kertas atau lain-lain bahan yang bakal dilekatkan kepada bekas atau benda dimana maklumat barangan atau maklumat penghantaran kapal ter-cetak di atasnya. Cetakan maklumat barangan terus ke atas bekas atau benda seperti pada beg, karung, botol dan barangan kaca juga kadangkala dirujuk sebagai label.#2

Menurut Irvin Graham, label adalah sebagai suatu yang dipamer samada ditulis, dicetak atau berbentuk grafik

---

#1 Jasper Guy Woodroof & G. Frank Phillips; Beverages: Carbonated And Non-Carbonated, (Revised Edition); AVI publishing; Westport, Connecticut.

#2 Waiter F. Friedman; Distribution of Packaging.